


TATAKELAKUAN

CODE OF CONDUCT



The Scouts Association
of Malaysia



Telah diluluskan oleh,
MESYUARAT EKSEKUTIF PENGAKAP NEGARA (MEPN)
NO. RUJUKAN : PPM-6(014)/2021
BERTARIKH : 18 SEPTEMBER 2021

TATAKELAKUAN

CODE OF CONDUCT

NO. RUJUKAN PLN : PPM-21/3(06)/2021
BERTARIKH : 14 OGOS 2021

Telah diluluskan oleh,
MESYUARAT EKSEKUTIF PENGAKAP NEGARA (MEPN)
NO. RUJUKAN : PPM-6(014)/2021
BERTARIKH : 18 SEPTEMBER 2021

Hak cipta terpelihara milik,
PASUKAN LATIHAN NEGARA
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
RUMAH BP, JALAN HANG JEBAT,
50150 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

KANDUNGAN

TABLE OF CONTENTS

1.	ISTILAH DAN DEFINISI <i>Terminology and Definition</i>	3
2.	SKOP <i>Scope</i>	4
3.	SIAPAKAH GOLONGAN DEWASA? <i>Who Are The Adults?</i>	5 – 6
4.	TATAKELAKUAN GOLONGAN DEWASA DALAM PPM <i>Adults' Code of Conduct in PPM</i>	6 - 10



ISTILAH DAN DEFINISI

TERMINOLOGY AND DEFINITION

Bagi tujuan dokumen ini:

Kod	: merujuk kepada Tatakelakuan melainkan ditetapkan sebaliknya
Pertubuhan	: merujuk kepada Persekutuan Pengakap Malaysia melainkan ditetapkan sebaliknya
Dewasa	: merujuk kepada kedua-dua golongan dewasa dan Pemimpin Pengakap di dalam Persekutuan Pengakap Malaysia
Golongan Muda Remaja	: merujuk kepada Pengakap di dalam unit Pengakap Lebah, Pengakap Kanak-kanak, Pengakap Muda, Pengakap Remaja, dan Pengakap Kelana
WOSM	: merujuk kepada Pertubuhan Antarabangsa untuk Pergerakan Pengakap
APR	: merujuk kepada Pertubuhan Antarabangsa untuk Pergerakan Pengakap – Wilayah Asia Pasifik.

For the purpose of this document:

<i>Code</i>	: <i>refers to the Code of Conduct unless specified otherwise</i>
<i>Organization</i>	: <i>refers to Persekutuan Pengakap Malaysia unless specified otherwise</i>
<i>Adults</i>	: <i>refers to both adults and leaders in Persekutuan Pengakap Malaysia</i>
<i>Youth</i>	: <i>refers to scouts in the Bee Scout Unit, Cub Scout Unit, Scout Unit, Senior Scout Unit and Rover Scout Unit</i>
<i>WOSM</i>	: <i>refers to the World Organization of the Scout Movement</i>
<i>APR</i>	: <i>refers to the World Organization of the Scout Movement – Asia Pacific Region</i>

SKOP

SCOPE

Tatakelakuan untuk Persekutuan Pengakap Malaysia adalah perjanjian tentang peraturan tingkah laku, norma, dan tanggungjawab golongan dewasa yang terlibat dalam Pergerakan Pengakap di Malaysia. Dokumen ini adalah sejajar dengan misi, nilai dan prinsip pertubuhan, ianya juga selaras dengan piawaian tatakelakuan profesional berdasarkan kepada Persetiaan dan Undang-undang Pengakap. Ini bertujuan untuk memastikan kualiti dan keselamatan aktiviti, acara, dan pendidikan tidak formal untuk golongan muda remaja.

The Code of Conduct for Persekutuan Pengakap Malaysia is an agreement on rules of behaviour, norms and responsibilities of adults involved in the Malaysian scout movement. This document aligns itself to the organization's mission, values and principles as well as the standards of professional conduct based on the Scout's Promise and Scout's Law. This is to enable quality and safety of activities, events and non-formal education for youths.

Semua golongan dewasa di dalam pertubuhan ini adalah dipertanggungjawabkan untuk memikul tugas berkenaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sehubungan itu, Tatakelakuan ini (dirujuk juga sebagai Kod Etika) akan berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada golongan dewasa ke arah menggalakkan tingkah laku beretika, mewujudkan persekitaran yang selamat untuk Pengakap, dan pelibatan berhemah daripada semua orang dewasa di dalam pergerakan ini. Adalah penting kepada semua ahli pertubuhan mengekalkan piawaian etika yang tertinggi bagi Persekutuan Pengakap Malaysia. Harapan pertubuhan ini berasaskan kepada nilai-nilai utama WOSM dalam usaha meningkatkan reputasi dan program pertubuhan yang positif.

A duty of care is expected from all adults involved in the organization directly or indirectly. Therefore, this Code of Conduct (sometimes referred to as code of ethics) will serve as a guide and reference to support adults to encourage ethical behaviors, create a safe environment for Scouts and prudent involvement of each adult in the movement. It is important for all members of the organization to maintain the highest ethical standards for Persekutuan Pengakap Malaysia. The organization has rooted its expectation to the core values of the WOSM to uphold utmost positive reputation and program of the organization.

SIAPAKAH GOLONGAN DEWASA?

WHO ARE THE ADULTS?

Golongan dewasa ditakrifkan sebagai mereka yang berusia 18 tahun ke atas dan peranan golongan dewasa didefinisikan sebagai;

1. Ahli Dewasa Bertauliah;
 - a. Ahli Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negara,
 - b. Ahli Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negeri,
 - c. Ahli Majlis Pesuruhjaya Pengakap Daerah,
 - d. Jurulatih Antarabangsa,
 - e. Penolong Jurulatih Kebangsaan,
 - f. Pemimpin Kumpulan Pengakap,
 - g. Pemimpin Unit Pengakap, dan
 - h. Penolong Pemimpin Unit Pengakap.
2. Ahli Dewasa Tidak Bertauliah;
 - a. Ahli Majlis Pengakap Negara,
 - b. Ahli Majlis Pengakap Negeri,
 - c. Ahli Majlis Pengakap Daerah,
 - d. Ahli Jawatankuasa Pengakap Kumpulan dan Tempatan, dan
 - e. Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Ahli Seumur Hidup.

dan

3. Mana-mana orang dewasa dan/atau individu yang memimpin, mengawasi dan/atau berperanan melatih ahli-ahli di dalam pertubuhan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuk semua kakitangan pentadbiran dan/atau kakitangan bergaji di peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan.

Adults are defined as those who are aged 18 years and above and the roles of the adults are defined as;

1. *Warranted Adult Members;*
 - a. *Members of National Scout's Commissioner Council,*
 - b. *Members of State Scout's Commissioner Council,*
 - c. *Members of District Scout's Commissioner Council,*
 - d. *Leader Trainers,*
 - e. *Assistant Leader Trainers,*
 - f. *Group Scout Leaders,*
 - g. *Unit Scout Leaders, and*
 - h. *Assistant Unit Scout Leaders.*

2. *Non-Warranted Adult Members;*
 - a. *Members of National Scout's Council,*
 - b. *Members of State Scout's Council,*
 - c. *Members of District Scout's Council,*
 - d. *Members of Local and Group Scout's Council, and*
 - e. *Lay members, Allied members and Lifetime members.*

and

3. *Any adults and/or persons who have direct or indirect leadership, supervision and/or training roles with the members in the organization. This includes all personnel in the administrative role and/or paid staff in District, State, and National level in the organization.*

TATAKELAKUAN GOLONGAN DEWASA DALAM PPM

ADULTS' CODE OF CONDUCT IN PPM

Seseorang Pemimpin dewasa di dalam Persekutuan Pengakap Malaysia mestilah;

- Menjadi ahli yang diperbaharui keahliannya setiap tahun dengan Persekutuan Pengakap Malaysia
- Menurut, mematuhi dan mengamalkan Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap
- Mengamalkan penilaian yang waras, menunjukkan ciri-ciri kepimpinan yang baik, dan menggunakan program-program kepengakapan bagi tujuan yang selari dengan misidan visi pertubuhan,
- Mengikut dan mematuhi dasar, peraturan dan latihan pertubuhan, serta membacanya dari masa ke semasa.
- Mengutamakan keselamatan dan perlindungan golongan muda remaja dalam kepengakapan
- Menghadiri, melengkapkan, dan lulus latihan Selamat Daripada Bahaya, sama ada secara dalam talian atau bersemuka, dan latihan serta pembelajaran lain yang berkaitan yang dikelolakan oleh pertubuhan dan/atau APR dan/atau WOSM,
- Bertanggungjawab sebelum, semasa, dan selepas menjalankan tugas, tanggungjawab, serta kewajipan kepada pertubuhan sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Bertanggungjawab, berhati-hati dan peka dengan tutur kata ketika berkomunikasi dengan kedua-dua golongan muda remaja dan dewasa.
- Memupuk dan menegakkan integriti, kehormatan, dan maruah seseorang dewasa dalam kepengakapan.
- Menjadi suri teladan dengan sikap dan tingkah laku terpuji selaras dengan nilai dan objektif kepengakapan.
- Mempamer dan mengamalkan adab, budi bahasa dan pertimbangan yang baik.
- Membuat keputusan dan mencipta persekitaran sebagai sebuah pasukan.

- Berkomunikasi dengan jujur dan segera;
 - I. Melakukan setiap tugas sama ada secara sukarela atau berbayar dengan penuh komitmen mengikut kemampuan dan kesediaan agar tidak terbeban.
 - II. Bersikap hormat apabila memberi maklum balas atau respon yang tidak/kurang dipersetujui.
 - III. Memberikan ruang kepada orang lain untuk selesai memberikan pendapat sebelum memberikan pandangan balas.
 - IV. Terbuka dalam menerima maklum balas yang membina dan memahami bahawa maklum balas berkenaan bertujuan untuk penambahbaikan prestasi.
 - V. Proaktif dalam menyelesaikan konflik.
- Mematuhi ordinan tempatan dan akta kebangsaan, peraturan, perintah, kod amalan, garis panduan, dan surat-surat arahan.
- Bersikap adil dan melayan setiap orang dengan hormat serta bermaruah dan tidak melakukan diskriminasi.
- Bekerjasama dengan ahli-ahli lain, pemegang taruh dan mereka yang terlibat dalam kepengakapan sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Menuruti dan menghormati perundangan yang mentadbir;
 - I. Pengumpulan dana secara haram,
 - II. Advokasi isu-isu sosial dan politik
 - III. Larangan penggunaan pakaian seragam dan jenama pertubuhan
 - IV. Apa sahaja jenis buli, penderaan, gangguan dan diskriminasi.
- Tidak berbincang atau terlibat dalam sebarang hubungan romantik dan/atau hubungan seksual semasa menjalankan aktiviti dan/atau acara kepengakapan.
- Melindungi imej, kepentingan dan perundangan pertubuhan dengan mematuhi segala undang-undang berkaitan keselamatan, persekitaran serta urusan secara adil.

An adult leader in Persekutuan Pengakap Malaysia must;

- *An adult leader in Persekutuan Pengakap Malaysia must;*
- *Be a registered member on an annual renewal basis with Persekutuan Pengakap Malaysia.*
- *Abide, comply and live up to the Scouts' Law and Scouts' Promise*
- *Exercise sound judgement and demonstrate good leadership and use the scout programs for the intended purpose in consistent with the mission and vision of the organization.*
- *Follow and comply with the organization's policies, regulations and training and read them from time to time.*
- *Prioritize the safety and protection of the youths in scouting their Core Priority*
- *Complete & pass the Safe from Harm training, either online or offline and other related training or learning conducted by the organization and/or APR and/or WOSM.*
- *Be responsible and accountable before, during and after performing their roles, responsibilities and duties for the organization directly or indirectly.*
- *Be responsible, careful and mindful with their words when communicating with both youths and adults.*
- *Uphold and advance the integrity, honor and dignity of an adult in Scouting.*
- *Be a role model with good attitude and good behavior that are in line with the scouting values and objectives.*
- *Demonstrate and practice good manners, courtesy and consideration.*
- *Make decisions and create an environment as a team.*

- *Communicate honestly and promptly;*
 - I. *Treat each voluntary or paid task a commitment to it based on their actual capability and availability so not to overly commit.*
 - II. *Respectful when giving disagreeing feedback or reply.*
 - III. *Allow others to finish their point before giving their opinion.*
 - IV. *Receptive to constructive feedback and understand feedback is to improve performance*
 - V. *Proactive in resolving conflicts*
- *Comply with the local ordinances and national acts, regulations, orders, code of practices, guidelines and directive letters.*
- *Be fair and treat every person with respect, dignity and not be a subject to discrimination.*
- *Work together with other members, stakeholders, and those involved in scouting directly or indirectly.*
- *Abide and respect the legislation that governs;*
 - I. *Unauthorized fund raising,*
 - II. *Advocacy on social and political issues,*
 - III. *Prohibited use of the organization's uniform and brand*
 - IV. *Bullying, hazing, harassment and unlawful discrimination of any kind*
- *Not discuss or engage in any form of romantic relationship and/or sexual relationship while engaged in scouting events and/or activities.*
- *Protect the organization's image, interest and legality by complying with all safety, environmental and fair dealing of the law.*

Usaha Golongan Dewasa Terhadap Golongan Muda Remaja Di Dalam Persekutuan Pengakap Malaysia:

- Menyokong pembangunan golongan muda remaja dan memastikan keselamatan mereka menjadi keutamaan terpenting PPM.
- Mematuhi dan mengikuti sepenuhnya Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Persekutuan Pengakap Malaysia.
- Keutamaan yang telah digariskan hendaklah dilaksanakan dalam semua bidang dan aspek meliputi peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan kumpulan di dalam Persekutuan Pengakap Malaysia.
- Seperti yang digariskan dalam Dasar Selamat Daripada Bahaya PPM yang selari dengan Dasar Selamat Daripada Bahaya WOSM, golongan dewasa di dalam PPM mempunyai kewajipan untuk memastikan kanak-kanak dan golongan muda dilindungi dan selamat dalam aktiviti-aktiviti kepengakapan.
- Golongan dewasa hendaklah sentiasa bersangka baik bagi memastikan;
 - I. Muda remaja selamat daripada segala salah laku
 - II. Mengelakkan kemerosotan kesihatan atau perkembangan golongan kanak-kanak dan muda remaja,
 - III. Menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat bagi golongan muda remaja berkembang dan membesar
 - IV. Mempromosikan keselamatan kepada golongan muda remaja
- Sebarang pelanggaran terhadap tanggungjawab-tanggungjawab ini akan berhadapan dengan penyiasatan serta tindakan disiplin oleh PPM atau pihak berwajib.

- Apabila sebarang pertuduhan atau isu berkaitan pelanggaran tatakelakuan ini dilakukan oleh ahli dewasa melibatkan seorang ahli muda remaja dilaporkan, tindakan segera perlu diambil termasuk merujuk kepada pihak berkuasa bagi memastikan ahli dewasa tersebut dilarang daripada berhubung dengan ahli muda remaja terlibat sewaktu pertuduhan tersebut masih dalam siasatan.
- Apabila berlaku sebarang pelanggaran tatakelakuan dan undang-undang oleh ahli Pengakap di lapangan, PPM akan bekerjasama dengan pihak yang berwajib.
- Semua golongan dewasa yang terlibat dalam kepengakapan seperti yang digariskan di atas perlu memanfaatkan semua latihan dan pembelajaran mereka dalam konteks Selamat Daripada Bahaya untuk setiap aktiviti, acara dan latihan golongan muda remaja.

Persekutuan Pengakap Malaysia tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk salah laku, penggunaan bahasa kasar, penghinaan individu, serangan peribadi, dan ancaman atau sebarang bentuk diskriminasi. Tingkah laku yang mengganggu dan/atau sikap biadap, atau sebarang pelanggaran tatakelakuan mungkin akan menyebabkan penggantungan dari penyertaan, halangan daripada menjadi ahli dan/atau dilucutkan keahlian daripada Persekutuan Pengakap Malaysia.

An adult's efforts towards the youths in Persekutuan Pengakap Malaysia:

- *Supporting the development of all the youth and ensuring their safety is top priority of PPM.*
- *Abide and follow strictly the Child Protection Policy of Persekutuan Pengakap Malaysia.*
- *The defined priority must be implemented in all areas and aspects from the national, state, district and group levels in Persekutuan Pengakap Malaysia.*
- *As defined in the PPM Safe from Harm Policy in lined WOSM Safe from Policy, adults in PPM, have an obligation to ensure that the children and young people are protected and safe in scouting activities.*
- *Adult must constantly practice good faith to ensure that;*
 - The young people are safe from all kinds of abuse*
 - Preventing impairment of children's and young people's health or development,*
 - Providing a safe and healthy environment for the young people to develop and grow*
 - Promoting safety for the young people.*
- *Any violation of these responsibilities will be subjected to disciplinary enquiry or action by PPM & related authorities.*
- *Upon allegation or reported issues of violation by adult members involving a youth member, immediate action must be taken which may include referring to the legal authority to ensure that the adult member is prevented access to the youth member while the allegation is under investigation.*
- *Any breach of the code of conduct and violation of law by their members in the location had taken place, PPM will cooperate with the relevant authorities.*
- *All adults involved in scouting as defined above are required to apply the training and learnings in the context of Safe from Harm to the activities, events and training to the youths.*

Persekutuan Pengakap Malaysia will not tolerate any form of abuse, the use of derogatory remarks, personal insults and threats or any form of discrimination. Disruptive or disrespectful behavior or other breach of code of conduct may result in suspension from participation, restriction of membership and/or dismissal membership from Persekutuan Pengakap Malaysia.

PPM selaras dengan tindakan WOSM dalam tindakan berkaitan dengan Pertubuhan:

- Komitmen terhadap Pematuan Peraturan - semua ahli PPM adalah komited untuk mematuhi segala undang-undang dan peraturan di Malaysia.
- Sebagai menghormati proses demokrasi, ahli PPM hendaklah menjauhkan diri daripada sebarang tindakan campur tangan dalam proses membuat keputusan demokratik seperti bersekongkol, rasuah (atau sebarang bentuk penyelewengan) dan ugutan.
- Penentuan peranan – Ahli-ahli PPM hendaklah menghormati keputusan yang menjadi punca kuasa kepada terma rujukan yang dinyatakan di dalam POR
- Rasuah – Ahli-ahli PPM hendaklah mematuhi semua undang-undang anti-rasuah Malaysia dan patuh kepada piawaian antarabangsa yang berkaitan. Aktiviti rasuah adalah pelanggaran serius kepada undang-undang anti-rasuah dan kod ini. Ahli-ahli PPM adalah diwajibkan untuk segera melaporkan sebarang aktiviti rasuah yang sedang atau bakal berlaku, secara pasif (menerima), atau aktif (memberi) kepada Jawatankuasa Disiplin.
- Harta Intelek - Ahli-ahli PPM akan melindungi jenama Persekutuan Pengakap Malaysia dan WOSM serta memaklumkan kepada jawatankuasa yang relevan berkenaan sebarang pelanggaran terhadap jenama PPM dan WOSM.
- Elemen Kesukarelaan Dalam Kepengakapan – konflik kepentingan di dalam PPM, atau sebarang potensi konflik kepentingan hendaklah dikenalpasti dan dilaporkan, dan langkah-langkah perlu diambil untuk mengelakkan dan membendung pengaruh atau unsur berat sebelah. Reputasi dan kredibiliti Persekutuan Pengakap Malaysia terletak atas keupayaannya membuat keputusan yang adil, objektif dan tidak berat sebelah berdasarkan kepada kriteria yang telah digariskan dengan teliti.
- Kerahsiaan adalah tanggungjawab penting semua ahli PPM; ahli-ahli PPM perlu melindungi kerahsiaan dan keselamatan data peribadi yang dipertanggungjawabkan kepada PPM. Semua ahli hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia, di mana pengumpulan maklumat peribadi adalah semata-mata untuk tujuan yang sah dan mematuhi akta yang relevan. Ahli-ahli PPM di semua peringkat hendaklah mematuhi perlindungan data dan undang-undang kerahsiaan maklumat.
- Ahli-ahli PPM adalah duta untuk memastikan reputasi PPM sentiasa dipertahankan pada setiap masa.

PPM in-line with WOSM action in relation to Organization

- *Commitment to Regulatory Compliance, all members of PPM are committed to comply with all applicable laws and regulations in Malaysia.*
- *Respecting Democratic Process, PPM members shall abstain from practices that interfere with democratic decision-making such as collusion, bribery (or any other forms of corruption), and Blackmail.*
- *Define Roles, PPM members respect the relevant decision that governs the Terms of References under what's stated in the POR.*
- *Corruption, PPM members must comply with all relevant anti-corruption laws of Malaysia and adhere to the relevant international standards. Corrupt activities are a serious violation of anti-corruption law and this code. PPM members are obliged to immediately report any potential or actual, passive (receiving), or active (giving) corrupt activities to the Disciplinary Committee.*
- *Intellectual Property, PPM members will protect Persekutuan Pengakap Malaysia's Brand, and WOSM's brand and alert the relevant committee of any violation of the PPM & WOSM branding.*

- *Voluntary Element of Scouting- conflict of interest within PPM, and any potential for conflict of interest must be recognized and disclosed, and appropriate steps taken to prevent and mitigate influence or favoritism. Persekutuan Pengakap Malaysia's reputation and credibility rests on its ability to make fair, objective, and impartial decisions in decisions in accordance with carefully defined criteria.*
- *Confidentiality is an essential responsibility of all members to PPM, members of PPM must protect the privacy and security of private data entrusted to PPM. All members must abide by the Personal Data Protection Act of Malaysia. Whereby collection of personal information is solely for its lawful stated purpose complying with the relevant Act. PPM members at all levels will be required to comply with the data protection and data privacy law.*
- *Members in PPM are the ambassadors of ensuring that PPMs reputation is upheld at all times.*



**Ensuring and Providing a safe environment
is the top priority of
The Scouts Association of Malaysia!**



Isi kandungan Tatakelakuan ini
adalah tertakluk kepada sebarang pindaan, perubahan, pengemaskinian
atau sekiranya terdapat sebarang keperluan
bagi tujuan semakan semula kandungan

*The content of this Code of Conduct
is subject for updates and change and/or deemed
whenever there is a necessity*